



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KOLOKSIUM PROSPEK KERJAYA DALAM BIDANG PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH BERSAMA PELAJAR IPT SELANGOR TAHUN 2022**

**BANDAR BARU BANGI, 3 DISEMBER 2022**

1. Program ini merupakan sebuah Kolokium Prospek Kerjaya Dalam Bidang Perundangan Dan Kehakiman Syariah Bersama Pelajar IPT Selangor Tahun 2022 yang dirasmikan oleh **YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna Dan Industri Halal Selangor** yang berlangsung di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi pada hari ini.
2. Program ini adalah anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM). Objektif kolokium ini ialah:
  - i. Mendedahkan para pelajar kepada industri sebenar perundangan syariah melalui perkongsian oleh panel berpengalaman sebelum para pelajar melangkah ke fasa kerjaya.
  - ii. Memberi kesedaran dan kefahaman yang betul dan tepat kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) berhubung hak-hak yang diperuntukkan oleh undang-undang Keluarga Islam di negeri Selangor.
  - iii. Mewujudkan ruang interaksi antara Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dengan pelajar IPT di negeri Selangor.
3. Melihat kepada senario semasa, keadaan semasa dan ekonomi negara memerlukan bakal pekerja yang kompetitif dalam bekerja dan mempunyai pelbagai kemahiran. Di samping itu, persaingan antara IPTA dan IPTS melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti juga menjadi salah satu faktor persaingan kerjaya.

4. Berdasarkan pemerhatian, terdapat dalam kalangan pelajar yang masih keliru tentang fungsi dan peranan antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Pelajar juga masih keliru untuk menceburi kerjaya undang-undang syariah atau undang-undang sivil dan beranggapan kedua-dua mahkamah memberikan perkhidmatan yang sama kepada pelanggan.
5. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini mengambil inisiatif untuk turun padang mendekati pelajar bagi berkongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman daripada para ahli panel yang berkaliber di dalam industri perundangan syariah di Selangor dan Malaysia. Matlamat utama adalah bagi mendedahkan kepada pelajar, realiti sebenar industri perundangan syariah sebelum mereka melangkah ke fasa kerjaya mereka kelak.
6. Melalui pendedahan kepada pelajar di peringkat awal ini, JAKESS berharap dapat membantu pihak IPT dalam mempersiapkan siaga para pelajar dalam menghadapi cabaran industri selain membentuk pelajar menjadi seorang individu yang berwibawa tidak kira sebagai Peguam Syarie, atau Pegawai Syariah agar ekosistem perundangan syariah di Selangor khususnya dapat dilaksanakan dengan baik.
7. YB Ahmad Zawawi dalam ucapan perasmian beliau ada menyebut tentang kepentingan memastikan mahasiswa bersedia sebelum melangkah ke industri pekerjaan. *“Para mahasiswa adalah merupakan asset yang perlu digilap agar dapat memenuhi keperluan negara pada masa kini dan masa akan datang. Seawal di peringkat pengajian lagi seharusnya mahasiswa dapat memahami skop bidang pengajian dan diselarikan dengan keperluannya apabila telah melangkah ke alam realiti pekerjaan”* kata beliau.
8. Manakala YAA Dato’ Mohamad Adib Bin Husain, Ketua Hakim Syarie Selangor juga menyentuh tentang peranan Universiti melahirkan graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran. *“Kebolehpasaran graduan merujuk kepada graduan yang berkebolehan dan sentiasa bersedia menunjukkan kemahiran, pengetahuan, sikap dan pemahaman mendalam terhadap bidang syariah dan undang-undang yang membolehkan graduan menyumbang secara positif terhadap objektif organisasi apabila diambil bekerja. Kebolehpasaran graduan menentukan keampuhan sistem pendidikan sesebuah negara.”* Kata beliau.
9. Program Kolokium pada hari ini dibarisi ahli panel berkaliber iaitu YA Tuan Salehan Bin Yatim, Ketua Pendaftar JAKESS, Tuan Muhamad Yusro bin Borhan Nordin, Timbalan Presiden PPSM dan Tuan Haji Fakhrul Azman bin Abu Hassan, Peguam Syarie Negeri Selangor. Sesi Kolokium membawakan dua sesi tajuk iaitu tajuk pertama; Perkongsian Pengalaman & Laluan Kerjaya Graduan Perundangan Syariah manakala sesi tajuk kedua; Cabaran

Semasa Kerjaya Perundangan Syariah & Harapan Graduan Sebelum Melangkah Ke Industri.

10. Turut hadir pada program hari ini ialah:

- ◆ YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- ◆ Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz, Presiden Persatuan Pegawai Syariah Malaysia
- ◆ Tuan Musa bin Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia
- ◆ YBhg. Dr. Nora'inan binti Bahari, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Selangor
- ◆ YBhg. Prof. Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, Dekan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- ◆ Ustaz Mohd Faryzan bin Subkhi, Eksekutif Kanan Pengurusan Pelajar dan Kepimpinan LZS

11. Untuk maklumat lanjut boleh berhubung dengan Encik Ahmad Hanis bin Ahmad Nafri, Pegawai Komunikasi Korporat JAKESS di talian 03-55191291 atau 018-3888376 atau emel di [ahmadhanis@esyariah.gov.my](mailto:ahmadhanis@esyariah.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Jabatan Kehakiman Syariah Selangor**